

Propaganda IS rekrut kanak-kanak mesti dibendung

Ibu bapa restu anak perang di Syria, Iraq
bukti pengaruh militan kian berkembang



DR ABDUL RASHID
ABDUL AZIZ

Paparan media mengenai wujud doktrinisasi ganas ke atas kanak-kanak termasuk dalam kalangan warga Malaysia yang terperangkap dalam jerat anasir keganasan di Syria dan Iraq adalah sangat menyedihkan. Pendedahan pihak berkuasa bahawa wujud puluhan kanak-kanak warga Malaysia sedang dididik kumpulan IS atas restu ibu bapa mereka sungguh mengejutkan.

Tindakan IS merekrut kanak-kanak mampu menjadi polemik dan ancaman baharu negara jika tidak dibendung. Ia adalah satu proses pengaruh psikologi yang IS mainkan bagi memanipulasikan kanak-kanak dan masa hadapan mereka ke arah corak dan gagasan yang diinginkan.

Ia seolah mewujudkan 'manusia robot' yang boleh diprogramkan dan ini giat dilakukan dari usia kanak-kanak oleh anasir negatif. Nampaknya, pihak IS makin meluas memainkan kempen perang psikologi yang menyasarkan perluasan mempengaruhi warga negara kita bagi ditarik menyokong perkembangan ajaran dan tindakan salah kumpulan terbabit. Keterlibatan 55 rakyat Malaysia yang menjadi anggota IS juga memberi gambaran bahawa usaha negatif kumpulan ganas ini sedang berkembang dan wajib dirawati. Jangan biarkan kumpulan ini semakin berkembang.

Gadai nyawa anak

Saya memikirkan bagaimana ibu bapa mereka yang sudah terjebak dengan pengharapan jihad puak militan di Syria dan Iraq sanggup pula merisikokan anak mereka yang masih kecil untuk sama-sama berada di zon perang yang sudah pasti tidak selamat bukan sahaja bagi proses pembesaran dan pembelajaran mereka, tetapi juga seolah menggadaikan nyawa.

Tindakan ibu bapa yang menggadaikan nyawa mereka di bumi asing, atas pengaruh propaganda kononnya mengejar 'nikmat' perang suci atas nama jihad, jelas terpesong apabila turut sama sanggup mempertaruhkan keselamatan anak mereka di zon bergolak.

Langkah mereka itu seperti 'pajakan nyawa' anak yang masih naif dan tidak berdosa. Membiarkan mereka bagi dididik dengan elemen militan dan ideologi asing langsung tidak membina ketrampilan yang sihat kepada masa depan anak terbabit.

Ia juga seolah-olah cubaan membina 'keluarga militan' yang berterusan hidup diperalatkan idea dan didikan yang jauh

daripada ajaran Islam, walaupun ia dipropagandakan sebagai jihad. Pihak berkuasa Malaysia harus tegas membasmi penularan ideologi asing itu dan menyekat segelintir rakyat yang cuba menjadi pengikut ajaran IS yang mampu merosakkan masa depan rakyat termasuk kanak-kanak.

Lapan kanak-kanak warga Malaysia yang dilaporkan berada di Iraq dan Syria oleh Pengarah Cawangan Khas PDRM Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun pada 13 Januari lalu jelas membayangkan bahaya keselamatan yang boleh menimpa negara jika elemen ini dibiarkan berterusan.

Lihat sahaja serangan yang baru berlaku di kota Jakarta oleh lima militan daripada kalangan orang muda pada 14 Januari lalu yang membunuh lapan nyawa menjadi petunjuk betapa Malaysia perlu memastikan kesejahteraan minda dan psikologi yang positif kepada kanak-kanak dan remaja serta warga seluruhnya supaya gejala militan dapat dibendung dari akar umbi.

Menurut laporan, 12 tangkapan sudah dibuat dan polis Indonesia juga menutup sekurang-kurangnya 11 laman web dan akaun media sosial.

Usaha militan termasuk IS seolah cuba membina akar umbi kukuh dan pengaruh psikologi bagi meneruskan agen-

da ganas mereka wajar dikutuk. Manipulasi elemen psikologi ke arah yang negatif adalah usaha keji yang menjadikan minda manusia taksud dan terjajah hingga sanggup bertindak liar daripada batas kemanusiaan termasuk membawa pembunuhan dan kemusnahan.

Kecelaruan minda, personaliti

Semua pihak termasuk pihak keselamatan, sektor pendidikan dan juga anggota komuniti dan ibu bapa wajib mengawal anak dan anggota masyarakat supaya potensi ekstremisme dibendung. Secara tuntasnya, elemen militan adalah kecelaruan minda dan personaliti yang pincang dan perlu dirawati secara komprehensif.

Tragedi keganasan militan yang menimpa Jakarta harus diperingati sebagai panduan supaya negara kita secara bersama dapat bersatu memantau aktiviti pincang yang jelas merosakkan minda, fizikal dan harta benda. Kecelaruan minda membawa keganasan ini harus dipantau secara holistik jika negara mahu kekal aman dan damai.

Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, UKM

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Mahfar Ali
mafah@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham
mafah@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham
Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran Peretakan & Digital
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bh.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my